

**NO. SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAI DAH BINTI  
KAMARUDDIN**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9312**

**SOALAN:**

**Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin[ Ampang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan adakah media atas talian seperti  
Malaysiakini, dilarang untuk membuat liputan di Kementerian Dalam  
Negeri walaupun mereka mempunyai permit yang sah.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) secara amnya menjemput semua agensi media massa yang berdaftar sebagai pengamal media untuk membuat liputan berita acara / majlis rasmi anjuran Kementerian ini.**

**Namun begitu liputan media massa perlu mengikuti peraturan yang ditetapkan oleh KDN kerana premis KDN merupakan kawasan keselamatan seperti yang tertakluk di bawah Akta 298:Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959.**